

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

RGE 426 - Pemuliharaan

Tarikh: 14 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan dari Bahagian A dan SEMUA soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

(Jawab DUA soalan)

1. Terdapat beberapa Akta yang menyentuh mengenai pemuliharaan bandar. Nyatakan Akta-Akta ini dan bincangkan kelemahan-kelemahan mereka, serta cara-cara untuk mengatasi masalah ini.

(25 markah)

2. Bincangkan cara-cara yang boleh memberi orang-orang awam terutamanya pemilik persendirian galakan untuk menyertai didalam pemuliharaan bandar.

(25 markah)

3. Bincangkan kaitan di antara pemuliharaan bandar dengan rekabentuk bandar. Apakah kebaikan/faedah aspek-aspek ini di dalam pembangunan kawasan tempatan?

(25 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

(Jawab **SEMUA** soalan)

4. Tuliskan nota-nota pendek yang dapat menjelaskan **EMPAT** dari yang berikut:-

- (a) Pengesanan jarak jauh
- (b) Habitat
- (c) CITES
- (d) Zon Pantai
- (e) Kepupusan spisi

(Sebutkan contoh **bila perlu**)

(15 markah)

5. Pilih **TIGA** dari yang berikut, dan dengan ringkas sebutkan **Dua (2) cara semulajadi** (tanpa menggunakan mesin) untuk mengatasi **setiap masalah** yang dipilih.

- (a) Hakisan tanah
- (b) Gagak dan tikus di bandar
- (c) Kerosakan paya bakau
- (d) Suhu yang tinggi di pusat bandar

(15 markah)

6. **SAMA ADA**

- (a) Apakah masalah-masalah utama yang mungkin ditimbulkan kepada alam sekitar oleh pemugaran sesuatu kawasan hutan untuk tujuan pertanian? Jelaskan mengapa perkara-perkara yang dibangkitkan itu dianggap sebagai masalah?

(20 markah)

...3/-

ATAU

- (b) Apakah gangguan-gangguan yang mungkin berlaku ke atas alam sekitar sekiranya sesebuah bandar berkembang tanpa rancangan yang komprehensif terhadap kawasan luar bandar yang akan dirangkuminya?

(Tumpukan perbincangan anda kepada mana-mana bandar di Malaysia.)

(20 markah)

-oooo0oooo-

